

# Ribuan tapak sulaiman terdampar

KM 01/03/24 M/S 27

**London:** Ribuan tapak sulaiman mati terdampar di pantai di Kent, mendorong pihak majlis tempatan mengeluarkan amaran kepada penduduk supaya melarang kanak-kanak serta anjing peliharaan ke kawasan itu.

Portal Sky News melaporkan bangkai tapak sulaiman banyak dilihat di antara Margate Winter Gardens dan kawasan cetek di Pantai Margate pada Isnin lalu, menurut jurugambar bebas, Andy Freeman.

Dia yang menyaksikan ribuan makhluk laut itu mati kemudian memuat naik imej dirakam itu di kumpulan Facebook (FB) tempatan.

Kematian seumpamanya adalah perkara biasa yang berlaku selepas cuaca buruk dan kawasan Margate memang sedang mengalami cuaca sejuk dengan suhu rendah.

Selain itu, kawasan berkenaan mengalami hujan dan angin kencang sejak kebelakangan ini sebelum kejadian dirakam pada Is-

nin lalu.

Pejabat Metereologi dan Agensi Alam Sekitar turut memberi amaran kepada mereka yang berada di kawasan berpotensi banjir.

Agensi Alam Sekitar berkata, hidupan marin seperti kelompok haiwan invertebrata seperti tapak sulaiman dan ketam boleh terdedah kerana kecenderungannya untuk hidup atau berhijrah ke air cetek, jadi ia lebih cenderung untuk dihanyutkan ke pantai. - Agensi



RIBUAN tapak sulaiman yang mati terdampar di pantai di Kent, United Kingdom. - Foto ANDY FREEMAN